

Kepatuhan terhadap rawatan dan ubat-ubatan merupakan elemen utama dalam penjagaan kesihatan, terutamanya bagi golongan kanak-kanak. Namun demikian, timbul persoalan, sejauh manakah kanak-kanak dan penjaga mereka mampu mematuhi arahan dengan konsisten?

Kepatuhan atau *compliance* atau *adherence* merujuk sejauh mana pesakit mengikuti arahan perubatan, termasuklah pengambilan ubat, rawatan berkala dan perubahan gaya hidup yang disarankan oleh pakar perubatan. Dalam konteks kanak-kanak, cabaran ini menjadi lebih rumit kerana melibatkan pelbagai faktor fizikal, emosi dan psikososial yang tersendiri.

Ahli farmasi memainkan peranan penting dalam memastikan kepatuhan terhadap pengambilan ubat. Mereka bukan

hanya bertanggungjawab memberikan ubat tetapi juga mendidik pesakit dan penjaga mengenai kepentingan pengambilan ubat dengan betul.

Dalam kes kanak-kanak, peranan ibu bapa dan penjaga adalah amat kritikal. Mereka perlu membantu anak-anak memahami keperluan rawatan sambil memastikan mereka menerima rawatan dengan baik. Kajian oleh Chew *et al.* (2021) mendapati bahawa faktor seperti pengambilan dua atau lebih jenis ubatan, kehadiran pelbagai penyakit serentak dan keperluan mendapatkan ubat daripada

institusi swasta sering mengurangkan tahap pematuhan terhadap rawatan.

Selain itu, ketidakpatuhan dilaporkan lebih tinggi dalam kalangan ibu bapa atau penjaga anak di bawah umur lima tahun. Kesukaran memberikan ubat kepada kanak-kanak, terutamanya jika ubat tersebut pahit atau tidak menyenangkan menjadi cabaran utama. Hal ini menekankan keperluan pendekatan yang lebih mesra kanak-kanak dalam perumusan ubat dan kaedah pemberian rawatan.

Kepatuhan kepada Rawatan dan Ubat-Ubatan

Cabaran bagi Kanak-Kanak



Kefahaman dan Pendidikan sebagai Kunci Utama

Pendidikan kesihatan untuk kanak-kanak

Pendidikan kesihatan merupakan langkah asas dalam membantu kanak-kanak memahami kepentingan rawatan yang diterima. Kanak-kanak perlu diberikan penerangan yang sesuai dengan tahap umur mereka.

Sebagai contoh, kanak-kanak prasekolah boleh diberitahu bahawa ubat akan membantu badan mereka menjadi lebih kuat untuk melawan penyakit. Kanak-kanak yang lebih berusia pula boleh diberikan penerangan mengenai cara ubat berfungsi dalam badan dan kesan buruk yang mungkin berlaku sekiranya rawatan tidak diikuti.

Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia telah memperkenalkan program Teddy Bear Pharmacy yang direka khusus untuk mengurangkan ketakutan kanak-kanak



Media interaktif merupakan kaedah berkesan untuk mendidik kanak-kanak mengenai rawatan kesihatan. Video animasi, aplikasi permainan pendidikan dan buku cerita bergambar ialah alat yang sesuai untuk membantu mereka memahami konsep rawatan.

terhadap pengambilan ubat. Program ini melibatkan aktiviti kanak-kanak bersama-sama *teddy bear* sebagai simbolik penjagaan kesihatan.

Melalui program ini, kanak-kanak diajar mengenai kepentingan penjagaan kesihatan melalui pendekatan yang mesra dan menyeronokkan. Aktiviti ini dijalankan semasa program komuniti dan Sambutan Hari Farmasi Sedunia di USM.

Penggunaan media interaktif dan visual

Media interaktif merupakan kaedah berkesan untuk mendidik kanak-kanak mengenai rawatan

kesihatan. Video animasi, aplikasi permainan pendidikan dan buku cerita bergambar ialah alat yang sesuai untuk membantu mereka memahami konsep rawatan. Pendekatan ini bersifat visual dan interaktif, lalu menjadikannya lebih menarik untuk kanak-kanak.

Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Kempen Kenali Ubat Anda telah menerbitkan siri buku yang menerangkan mengenai pengambilan ubat. Buku ini menggunakan ilustrasi yang jelas untuk membincangkan konsep pengambilan ubat kepada kanak-kanak secara santai dan mudah difahami. Usaha ini diharapkan dapat memupuk pemahaman mereka tentang kepentingan pengambilan ubat mengikut arahan pakar perubatan.

Pelibatan kanak-kanak dalam proses membuat keputusan

Pelibatan kanak-kanak dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan rawatan yang dapat meningkatkan rasa tanggungjawab dan kepatuhan mereka. Kanak-kanak boleh diberikan pilihan berkaitan dengan rawatan seperti waktu pengambilan ubat atau jenis minuman yang diinginkan bersama-sama ubat. Pendekatan ini akan memberi mereka rasa kawalan terhadap rawatan yang diterima.

Peranan Ibu Bapa dan Penjaga dalam Meningkatkan Kepatuhan Menjadi contoh yang baik

Ibu bapa dan penjaga memegang tanggungjawab penting dalam membentuk sikap kanak-kanak terhadap rawatan dan ubat-ubatan.



Aktiviti kanak-kanak bersama-sama *teddy bear* dalam program Teddy Bear Pharmacy.



Set buku yang mengisahkan pelbagai isu berkaitan dengan kesihatan selari dengan Kempen Kenali Ubat Anda anjuran KKM.

Tindakan ibu bapa yang menunjukkan kepatuhan terhadap rawatan mereka sendiri boleh menjadi teladan kepada anak-anak.

Sebagai contoh, seseorang ibu yang perlu mengambil ubat harian boleh melakukannya di hadapan anak-anak sambil menjelaskan bahawa pengambilan ubat membantu dalam menjaga kesihatan. Pendekatan ini secara tidak langsung mengajar anak-anak bahawa rawatan ialah langkah penting untuk mengekalkan kesihatan.

Mewujudkan komunikasi yang terbuka

Komunikasi yang terbuka antara ibu bapa dengan anak-anak sangat penting untuk membantu kanak-kanak mengatasi keimbangan terhadap rawatan. Suasana rumah yang membolehkan anak-anak meluahkan perasaan, pengalaman dan ketakutan mereka akan memudahkan proses ini.

Ibu bapa perlu mendengar dengan teliti dan memberikan penjelasan yang

meyakinkan. Sebagai contoh, jika anak takut untuk mengambil suntikan, ibu bapa boleh menjelaskan bahawa suntikan membantu badan melawan penyakit dan menguatkan sistem imun. Penjelasan yang disampaikan secara positif dapat membantu anak memahami kepentingan rawatan dan mengurangkan rasa takut mereka.

Mengatasi Ketakutan dan Kegelisahan Kanak-kanak Pengurusan kesakitan dan ketidakselesaian

Ketakutan terhadap kesakitan atau ketidakselesaian sering menjadi punca utama kanak-kanak menolak rawatan. Pengamal perubatan mempunyai peranan penting dalam meningkatkan penerimaan kanak-kanak terhadap rawatan. Misalnya, penggunaan krim pengebas sebelum suntikan atau pemerhatian tambahan selepas prosedur boleh mengurangkan rasa takut.

Teknik distraksi seperti berbual atau memberikan mainan semasa prosedur turut berkesan. Ibu bapa boleh membawa mainan kesukaan anak sebagai alat untuk mengalihkan

Sokongan ini boleh diberikan melalui kata-kata pujian, pelukan atau hadiah kecil.

Pemberian galakan sebegini bukan sahaja mengurangkan ketakutan, malah membina keyakinan diri mereka dalam menghadapi rawatan pada masa hadapan. Ibu bapa juga boleh mengajar teknik pernafasan bagi membantu anak-anak bertenang. Contohnya, meminta mereka menarik nafas dalam-dalam dan perlahan-lahan menghembuskannya sambil membayangkan perkara yang menyenangkan seperti menikmati aiskrim atau bermain di kolam renang.

Inovasi dalam Penyampaian Ubat dan Rawatan

Penggunaan ubat berperisa
Cabaran utama dalam memastikan kepatuhan kanak-kanak terhadap pengambilan ubat ialah rasa dan bentuk ubat yang tidak menyenangkan. Penghasilan ubat berperisa seperti buah-buahan merupakan satu daripada inovasi untuk membantu kanak-kanak menerima rawatan dengan lebih mudah. Ubat dalam perisa strawberi dan *tutti-frutti* semakin



Bentuk ubat juga memainkan peranan penting dalam penerimaan kanak-kanak terhadap rawatan. Ubat dalam bentuk tablet kunyah atau serbuk ubat yang boleh dicampurkan dengan makanan seperti aiskrim telah terbukti membantu.

perhatian mereka. Mainan tersebut boleh diberikan kepada kanak-kanak sebelum rawatan dimulakan bagi mengurangkan fokus terhadap suntikan atau prosedur yang akan dijalani. Pendekatan ini mampu menjadikan pengalaman rawatan lebih positif.

Menyediakan sokongan emosi

Sokongan emosi memainkan peranan besar dalam membantu kanak-kanak mengatasi kegelisahan semasa rawatan. Pujian dan galakan selepas rawatan. Pujian dan galakan selepas kanak-kanak mengambil ubat atau menjalani rawatan, walaupun sedikit boleh memberikan kesan positif.

banyak diperkenalkan dalam pasaran. Pendekatan ini akan meningkatkan penerimaan rawatan.

Bentuk ubat juga memainkan peranan penting dalam penerimaan kanak-kanak terhadap rawatan. Ubat dalam bentuk tablet kunyah atau serbuk ubat boleh dicampurkan dalam makanan seperti aiskrim. Ibu bapa disarankan untuk berbincang dengan ahli farmasi bagi memahami cara terbaik menyediakan ubat tersebut kepada anak-anak.

Sementara itu, perkhidmatan *pharmaceutical compounding* merupakan perkhidmatan inovatif yang menyediakan ubat dalam bentuk cecair

berperisa serta berwarna menarik untuk kanak-kanak. Perkhidmatan ini amat berguna bagi kanak-kanak yang memerlukan rawatan jangka masa panjang. Ibu bapa boleh mendapatkan perkhidmatan ini di farmasi komuniti tertentu seperti My Antidote Pharmacy di Kota Damansara, Selangor. Perkhidmatan ini menawarkan penyelesaian yang lebih peribadi dan mesra kanak-kanak.

Kerjasama antara Pengamal Perubatan dengan Ibu Bapa Komunikasi yang berkesan

Kerjasama pengamal perubatan dengan ibu bapa memainkan peranan penting dalam memastikan kepatuhan kanak-kanak terhadap rawatan. Komunikasi yang jelas antara pengamal perubatan seperti doktor dan ahli farmasi dengan ibu bapa dan penjaga membantu setiap pihak memahami diagnosis, pilihan rawatan dan kepentingan pematuhan terhadap ubat.

Ibu bapa dan penjaga boleh berkongsi masalah atau ketakutan berkaitan dengan bentuk ubat

dengan ahli farmasi. Perbincangan ini membolehkan mereka mendapatkan panduan penggunaan ubat yang betul untuk rawatan anak-anak mereka.

Pemeriksaan susulan secara berkala

Pemeriksaan susulan secara berkala dengan pengamal perubatan amat penting untuk memantau tahap penerimaan terhadap rawatan. Pengamal perubatan perlu menerangkan kepentingan setiap rawatan secara jelas kepada ibu bapa dan pesakit. Komitmen daripada kedua-dua pihak akan memastikan keberkesanan regimen terapi yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya, meningkatkan kepatuhan kanak-kanak terhadap rawatan dan ubat-ubatan memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu. Memahami cabaran yang dihadapi, menggunakan strategi pendidikan yang berkesan serta melibatkan kanak-kanak dalam proses rawatan ialah langkah penting untuk

meningkatkan kejayaan rawatan. Sokongan berterusan daripada ibu bapa dan pengamal perubatan dilihat memainkan peranan utama dalam mencapai hasil rawatan yang optimum.

Usaha bersama daripada semua pihak, termasuklah ibu bapa, penjaga dan pengamal perubatan ialah kunci untuk memastikan kanak-kanak mendapat manfaat sepenuhnya daripada rawatan.

Ibu bapa disarankan untuk berbincang dengan ahli farmasi di hospital, klinik kesihatan atau farmasi komuniti untuk mendapatkan maklumat dan panduan yang diperlukan. Ahli farmasi sentiasa bersedia untuk membantu sejajar dengan tema Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2024, iaitu Farmasi: Memenuhi Keperluan Kesihatan Global.®

**Dr. Amirah Mohd Gazzali,
Pensyarah Farmasi,
Pusat Pengajian Sains Farmasi,
Universiti Sains Malaysia.**